

MAHATHIR - BARISAN
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 22 JULAI (BERNAMA)--DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGARAHKAN WAKIL-WAKIL RAKYAT BARISAN NASIONAL MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH SEMPURNA KEPADA RAKYAT.

PERDANA MENTERI MENGELUARKAN ARAHAN ITU DALAM SATU PERTEMUAN DENGAN KIRA-KIRA 500 ORANG ANGGOTA PARLIMEN, ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN PARA SENATOR BARISAN NASIONAL DI SINI.

SELAKU Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir memberitahu mereka bahawa beliau telah menerima aduan dari orang ramai bahawa setengah-setengah anggota parlimen dan anggota dewan u undangan negeri tidak menjalankan tugas di kawasan masing-masing.

Peremuan itu merupakan dialog pertama antara Perdana Menteri dengan seluruh wakil rakyat dan senator Barisan Nasional dari Semenanjung Malaysia bagi membincangkan isu-isu semasa.

Keputusan mengadakan pertemuan itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang lalu, kata Setiausaha Kerja Barisan Nasional/UMNO Encik Kamaruzzaman Bahadun. --LAGI 1658/MQ
ZCZC B566

MAHATHIR-BARISAN 2 KUALA LUMPUR

Satu perjumpaan dengan wakil-wakil rakyat Barisan Nasional di Sabah dan Sarawak juga akan diadakan di Kuching dalam bulan September sempena sidang Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang akan datang, katanya.

Ketika memberi penerangan kepada para pemberita selepas mesyuarat hari ini, Encik Kamaruzzaman berkata Datuk Seri Dr Mahathir mula-mula menemui para anggota parlimen, anggota dewan undangan negeri dan para senator UMNO kira-kira dua jam sebelum menemui wakil-wakil rakyat dari lain-lain parti komponen.

Dalam kedua-dua pertemuan yang diadakan secara tertutup itu, Datuk Seri Dr Mahathir telah menerangkan kepada wakil-wakil rakyat dan para senator itu tentang dasar pandangan ke timur, konsep per-nyarikatan Malaysia dan pengswastaan perkhidmatan-perkhidmatan awam.

Katanya lebih ramai para pemimpin kerajaan yang tidak memahami sepenuhnya dasar-dasar kerajaan walaupun banyak publisiti diberikan.

Setengah-setengah mereka menyatakan kesukaran untuk menerangkan kepada penduduk dalam kawasan masing-masing tentang kesan kemele- setan ekonomi dunia. --LAGI 1707/MD

ZCZC B567

MAHATHIR - BARISAN 3 KUALA LUMPUR

Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah telah memberikan gambaran tentang kesan kemelesetan ekonomi dunia terhadap ekonomi negara ini.

Perdana Menteri kemudian mempengerusikan mesyuarat pra-parlimen Majlis Tertinggi Barisan Nasional yang dihadiri oleh semua anggota parlimen dan senator bagi membincangkan isu-isu yang akan dibentangkan dalam sidang parlimen mulai Isnin ini.

Antaranya ialah pindaan rang undang-undang perlembagaan untuk menyemak semula sempadan-sempadan kawasan parlimen dan dewan undangan negeri, katanya.

Ditanya sama ada krisis SNAP juga dibincangkan, Encik Kamaruzzaman berkata isu itu tidak disentuh langsung.

Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud yang menghadiri pertemuan itu memberitahu para pemberita bahawa beliau akan meranangkan kepada Perdana Menteri tentang keadaan

politik di negeri itu.

Beliau enggan memberikan butir-butir lanjut. --BERNAMA 1712/MD